

# **PROSEDUR PENSIJILAN KUALITI BIJI KOKO KERING**

## **1.0 TUJUAN**

Prosedur ini disediakan untuk memberi garis panduan tentang tindakan yang perlu dilakukan oleh agensi penggredan dan pegawai-pegawai di Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti (BPKK)(selepas ini disebut PKK) untuk melaksanakan aktiviti pensijilan kualiti biji koko kering (selepas ini disebut biji koko) untuk tujuan transaksi urus niaga tempatan, pemindahan,eksport dan import. Pemerkasaan pensijilan kualiti biji koko kering adalah selari dengan peraturan 20 (1) Peraturan-Peraturan Lembaga Koko Malaysia 2013 iaitu "Tiada biji koko kering atau keluaran separa siap boleh dibeli, dijual, dieksport atau diimport melainkan jika ia telah digred mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga"

## **2.0 SKOP**

Meliputi pensijilan kualiti biji koko untuk tujuan transaksi urus niaga tempatan, pemindahan, import dan eksport (termasuk pengeksportan semula) sama ada untuk biji koko tempatan atau import berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

## **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Menentukan kualiti biji koko memenuhi keperluan dan syarat-syarat yang ditetapkan sebelum transaksi urus niaga tempatan/pemindahan/eksport/import dilakukan
- 3.2 Memastikan penggredan biji koko dibuat mengikut Standard MS 2672:2017 *Cocoa beans - Specification*
- 3.3 Mengenal pasti kualiti biji koko berdasarkan sumber negara pengeluar biji koko tersebut

## 4.0 TANGGUNGJAWAB

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
Pengarah PKK	1.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyediaan pelan tindakan pencegahan dan penambahbaikan peningkatan kualiti berterusan</li></ul>
Ketua Unit PKK	2.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan semua biji koko yang termasuk dalam skop ini perlu diberi sijil kualiti biji koko terlebih dahulu</li><li>• Menetapkan jadual penggredan dan penggred berdasarkan borang permohonan yang diterima</li><li>• Menyemak dan mengesahkan laporan penggredan, borang analisis penggredan</li><li>• Memperakukan sijil kualiti biji koko</li><li>• Melaporkan status kualiti kepada Pengarah PKK</li><li>• Mengambil tindakan atas aduan pelanggan</li></ul>
Agensi Penggredan/Pembantu Ehwat Ekonomi(PEE)	3.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyediakan dokumen-dokumen dan peralatan untuk analisis sampel biji koko</li><li>• Melakukan persampelan biji koko mengikut prosedur yang ditetapkan</li><li>• Menganalisis sampel biji koko mengikut prosedur yang ditetapkan</li><li>• Merekod keputusan analisis fizikal biji koko</li><li>• Mengeluarkan laporan analisis penggredan</li><li>• Mengeluarkan sijil kualiti biji koko</li></ul>

## 5.0 PROSEDUR

### 5.1 Permohonan

Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang LKM/PKK/PKBKK/1 seperti di **Lampiran 1** dalam tempoh sekurang-kurangnya (3) hari sebelum transaksi urus niaga biji koko dilaksanakan. Permohonan boleh dibuat secara telefon atau borang permohonan ini difaks ke pejabat LKM yang berdekatan. Kuantiti minimum biji koko untuk pensijilan kualiti koko ialah 62.5kg.

Kadar/caj pensijilan yang ditetapkan adalah seperti dinyatakan pada Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kadar/Caj Pensijilan

Penggred	Kadar/Caj
Agensi Peggredan	Ditentukan oleh agensi
LKM	RM5 bagi setiap metrik tan untuk eksport biji koko tempatan RM50 setiap sijil untuk transaksi urus niaga tempatan/pemindahan/re-eksport/import

Pembayaran perlu dilakukan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan di pejabat LKM berkenaan.

## 5.2 Pelaksanaan Peggredan

Pelaksanaan penggredan adalah merujuk kepada tatacara penggredan yang telah ditetapkan. Bagi transaksi eksport guni jut yang baharu sahaja perlu digunakan untuk tujuan pembungkusan. Peggredan bagi tujuan eksport perlu dilaksanakan dalam masa seminggu selepas sesuatu permohonan diterima.

## 5.3 Pengambilan sampel

Pengambilan sampel biji koko merujuk kepada MS2672:2017 *Cocoa beans- Specification*. Pengambilan sampel biji koko dibuat secara rawak di premis pedagang. Kuantiti sampel biji koko untuk analisis ialah dua kilogram. Peralatan yang digunakan ialah alat prob, plastik lutsinar dan pisau. Sampel diberi penandaan dan dilabelkan mengikut penandaan yang ditetapkan. Maklumat sampel didaftar dan direkod dalam buku daftar pensijilan kualiti biji koko LKM/PKK/PKBKK/002 seperti di **Lampiran 2**.

Bagi transaksi import atau eksport biji koko kering, persampelan perlu dilakukan oleh penggred bertauliah atau PEE LKM. Manakala bagi transaksi urus niaga yang lain persampelan boleh

dilakukan oleh penggred dalaman pihak pedagang dengan merujuk kepada kaedah persampelan yang ditetapkan.

#### **5.4 Analisis Fizikal**

Pelaksanaan analisis fizikal bagi penentuan kualiti dan gred biji koko adalah berdasarkan MS2672:2017 *Cocoa beans-Specification*. Analisis dilakukan oleh penggred agensi penggredan yang bertauliah atau Pembantu Ehwai Ekonomi(PEE) di premis pedagang atau di makmal LKM.

Keputusan analisis direkodkan dalam Borang Analisis Fizikal Biji Koko (LKM/PKK/PKBKK/003) seperti di **Lampiran 3**.

Keputusan gred dirujuk kepada MS2672:2017 Cocoa beans - Specification

Analisis fizikal meliputi penentuan berikut

i. Kiraan biji

Jumlah biji koko yang diperlukan untuk 100 gram.

ii. Peratus kandungan sampah

Penentuan kandungan sampah mengambil kira kandungan biji leper, serpihan biji, serpihan kulit, biji melekat, plasenta kering dan isi buah yang kering.

iii. Peratus kandungan kelembapan

Penentuan kandungan kelembapan untuk mengukur kandungan air terikat dalam biji koko.

iv. Peratusan biji pecah

Penentuan biji pecah ialah peratus biji pecah yang mana serpihan biji koko yang kurang daripada separuh biji koko asal.

v. Peratusan biji berkembar

Penentuan biji berkembar ialah peratus biji berkembar.

vi. Ujian belahan

Penentuan peratus kecacatan berdasarkan parameter seperti berkulat, serangan serangga, bercambah dan slaty.

vii. Pengecaman serangga hidup

Serangga hidup dikesan ketika pengambilan sampel dan semasa analisis.

viii. Pengesanan bau

Pengesanan bau asing dibuat ketika pengambilan sampel. Pengesanan bau asing dibuat oleh dua pegawai.

## **5.5 Pengeluaran dan Perakuan Sijil**

PEE atau penggred bertauliah akan mengeluarkan laporan penggredan dan keputusan gred dipindahkan ke sijil kualiti biji koko. Ketua Unit PKK akan menyemak dan mengesahkan semua keputusan analisis yang dilaporkan. Sijil kualiti biji koko diperakui oleh Ketua Unit PKK. Tempoh sah sijil kualiti biji koko adalah selama tiga(3) bulan dari tarikh ia diperakukan. Selepas tempoh tersebut sijil tidak boleh digunakan untuk sebarang transaksi urus niaga.

## **5.6 Laporan**

PEE menyediakan laporan keputusan analisis fizikal biji koko kering ke pejabat Pengarah PKK dan Ketua Unit PKK secara berkala setiap bulan. PEE di Ibu Pejabat akan mengumpul dan menyatukan laporan kualiti untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan bagi kes ketidakpatuhan kualiti.

Pengarah PKK akan melaporkan keputusan pensijilan kualiti koko kepada pengurusan atasan.

## **5.7 Tindakan**

Pengarah PKK akan mencadangkan pelan tindakan pencegahan dan penambahbaikan berterusan akan dilaksanakan sebaik sahaja maklum balas diterima daripada pengurusan atasan.

Program khidmat nasihat peningkatan kualiti secara berterusan berdasarkan kepada laporan, aduan dan maklum balas yang diterima.

## 6.0 CARTA ALIR PENSIJILAN KUALITI KOKO UNTUK TUJUAN EKSPORT

